

TARIKH : 2 APRIL 2021

AKHBAR : HAKAKAH

MUKA SURAT : 11

# EPU terima cadangan rangka Belanjawan 2022

Oleh **AIN MANAF**

**BACHOK:** Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Seri Mustapa Mohamed memberitahu Unit Perancang Ekonomi (EPU) mula menerima cadangan bagi merangka Belanjawan 2022.

Katanya, proses seterusnya merangka Belanjawan 2022 yang dijangka akan bermula pada April hingga Ogos hadapan.

"Peruntukan Belanjawan 2022 kita belum tahu jumlahnya, tetapi EPU sudah terima kebanyakan permohonan daripada kementerian.

"Mulai April kita akan perhalusi dan kita jangka pada Ogos akan dimuktamadkan.

"Kemudian kita akan be-

runding dengan Kementerian Kewangan kerana mereka akan menentukan berapa peruntukan yang dapat dibelanjakan tahun 2022," katanya pada sidang media selepas Program Malaysia Prihatin di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) baru-baru ini.

Beliau juga berkata antara permohonan yang diterima melibatkan peruntu-

kan untuk menambah baik infrastruktur di seluruh negara.

"Kebanyakan proses berlaku di EPU untuk kita melihat senarai keutamaan. Sudah pasti ia senarai yang panjang ada berkaitan pembinaan balai polis, sekolah, hospital dan jalan raya termasuk melibatkan penyelenggaraan," katanya.



**Mustapa  
Mohamed**